

KUMPULAN CERPEN *PAPAVERINE* . Oleh Rejab F.I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015. Halaman 384. ISBN 978-983-46-1684-7

Pengenalan

Rejab F.I. atau nama sebenarnya Rejab bin Ismail adalah satu nama yang tidak asing lagi dalam kalangan pencinta kesusasteraan tanah air. Selain menghasilkan cerpen dan puisi juga novel (novel kanak-kanak, novel remaja dan novel dewasa) beliau juga banyak menulis cerita rakyat, skrip drama radio dan TV, esei dan rencana berkaitan sastera dan budaya. Detik penghargaan dalam bidang penulisan, beliau telah memenangi pelbagai anugerah dan sayembara di peringkat nasional. Anugerah di peringkat Asia Tenggara yang diterimanya ialah Anugerah Penulisan Asia Tenggara 2016 (S.E.A atau Write Award 2016) yang dianugerahkan oleh Raja Thailand pada bulan November, 2019 di Bangkok, Thailand.

Sepanjang penglibatan dalam bidang penulisan cerpen, Rejab F.I. telah menulis 200 buah cerpen yang mencakupi pelbagai tema dan persoalan berkaitan sosiobudaya, sosioekonomi, politik, kemanusiaan dan lain-lain. Cerpen-cerpen beliau telah diterbitkan dalam 23 buah kumpulan cerpen persendirian dengan kumpulan pertamanya berjudul *Berikan Aku Syurga* diterbitkan pada tahun 1970. Kumpulan cerpen terbaru beliau, *Papaverine* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka memuatkan 24 buah cerpen terbaiknya yang dihasilkan sejak tahun 1962 hingga 2011.

Kumpulan cerpen ini dipilih pengulas kerana menjadi tanda aras pencapaian dan sumbangan beliau dalam genre cerpen. Sebagai seorang bekas pendidik, cerpen-cerpen beliau amat jelas memaparkan nilai-nilai murni yang bukan sahaja dituntut dalam budaya kehidupan moden sekarang, malah, melalui nilai ini boleh berperanan kepada pembentukan generasi baharu yang berhemah dan berpegang kepada moral yang tinggi sifatnya yang menjadi penelitian utama dalam penulisan ini.

‘Moral’ mempunyai pengertian yang luas mengikut fahaman, keperluan masyarakat, kaum dan negara. Menurut *Ensiklopedia Dunia Melayu* (1997), moral adalah berhubung dengan prinsip yang betul dengan yang salah, dan tentang kesedaran dan kefahaman untuk membezakan antara yang betul dengan yang salah. Dalam kesusasteraan, moral bermaksud pengajaran baik yang dipaparkan melalui cerita dalam sesebuah karya. Dalam ulasan ini, penerapan moral hanya dibataskan mengikut Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989, meletakkannya dalam dua kaedah, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah melibatkan Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat, manakala Pengkaedahan Keagamaan pula mengandungi Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni.

Daripada 24 buah cerpen yang dimuatkan dalam *Papaverine*, hanya tiga buah cerpen sahaja yang dipilih untuk diulas daripada aspek moral. Pemilihan ini dibuatkan berdasarkan kelebihan yang terdapat dalam cerpen-cerpen tersebut selain ia mempunyai ciri tertentu yang bersesuaian dengan ulasan yang menjadi fokus pengulas. Cerpen-cerpen tersebut ialah “Kekosongan,” “Suatu Subuh yang Bening” dan “Monolog Awang Batil.”

“Kekosongan” mengisahkan seorang pesara, Profesor Datuk Marzuki Abdullah yang kematian isteri dan ingin mencari pengganti yang sesuai dengan prinsip hidupnya sebagai seorang tokoh akademik dan juga sebagai seorang insan yang mementingkan nilai moral.

Walaupun pelbagai usaha dibuat, anaknya Siti Balkis telah mengatur pertemuan ayahnya dengan seorang peragawati bernama Salina berstatus janda. Bagaimanapun, usaha Balkis menemui kegagalan kerana ayahnya tidak suka kepada Salina yang berpakaian skirt singkat, bermekap tebal dan gemar minum bir. Hal ini bertentangan dengan kemahuan Datuk Marzuki yang mahukan wanita yang bermoral dan berpegang kepada ajaran Islam. Atas gesaan kakaknya, Aishah, Datuk Marzuki pulang ke kampung dan cuba mencari kedamaian dari hingar-bingar kota kediamannya. Kakaknya berusaha mencari teman hidup yang sesuai dan satu-satu wanita di kampung itu yang dikira serasi dengannya ialah seorang bernama Ustazah Kalsom. Datuk Marzuki tertarik kerana mendapati ustazah yang anak dara lanjut usia atau andartu itu mempunyai prinsip hidup yang serasi dengannya. Ustazah Kalsom mengajar anak-anak orang kampung di madrasah. Dia seorang yang sederhana dan sentiasa berpakaian baju kurung dan tidak pernah lekang dengan tudung. Hal inilah ciri-ciri yang dikehendaki Datuk Marzuki yang mendorongnya mengambil Ustazah Kalsom sebagai teman hidupnya.

Cerpen “Suatu Subuh yang Bening” pula memaparkan kisah seorang hakim atau Dia yang berusaha berterusan bagi memperbaiki dunia profesionnya sebagai seorang hakim mahkamah sivil. Dia ingin mengekalkan kewibawaannya sebagai hakim dan berazam bahawa setiap keputusan penghakimannya adalah tepat dan tidak menganiaya orang kena tuduh. Oleh sebab dalam setiap perbicaraan, hujah pendakwa dan pembela dinilai dengan penuh kearifan, sebagai hakim dia terpaksa akur dengan *eviden* yang dikemukakan pendakwa, manakala pembela pula cuba membangkitkan andaian bagi mewujudkan keraguan yang munasabah. Melalui tinjauan ke premis orang kena tuduh, dia mempunyai andaian yang tersendiri bahawa dadah yang dipunyai orang kena tuduh boleh berlaku oleh penganiayaan sesama keluarga yang berebut tanah. Bagaimanapun, dia terpaksa akur dengan pendakwa yang mempunyai *eviden* yang kukuh, lalu menjatuhkan hukuman setimpal kepada orang kena tuduh. Ekorannya ini menimbulkan kesan psikologi yang mendalam ke atas Dia. Dia dihantui sama ada keputusannya tepat atau sebaliknya. Sebagai hakim Dia memutuskan untuk meletakkan jawatan dan beralih menjadi peguam bela. Keputusan ini membuka ruang kepada Dia untuk mempelajari undang-undang secara lebih terbuka dengan mempelajari dan membuat penambahbaikan pengetahuan dengan undang-undang Islam. Baginya, kombinasi antara undang-undang sivil dengan undang-undang Islam menjadi penentu kepada cita-cita dan prinsip hidupnya untuk menjadi seorang yang bermoral dalam erti kata yang sebenarnya.

Seterusnya, cerpen “Monolog Awang Batil,” menonjolkan watak Tok Batil, penggiat seni tradisional yang menyumbangkan seluruh komitmennya kepada permainan batilnya yang memukau para peminat daripada semua lapisan masyarakat. Tok Batil mempunyai moral yang tinggi dan dikagumi masyarakat. Dia mewarisi permainan yang sukar diwarisi oleh masyarakat termasuk anaknya sendiri. Tok Batil bersyukur dengan bakat yang dimilikinya dan berazam meneruskan khidmat baktinya selagi diperlukan masyarakat. Dalam pada itu, Tok Batil akur dengan pandangan rakan-rakannya karibnya yang menegurnya tentang jampi mantera yang dilakukan sebelum memulakan persembahan. Hal ini adalah unsur khurafat yang perlu dijauhi kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru, dengan moralnya tinggi dan kepercayaannya kepada ajaran Islam begitu teguh, Tok Batil sanggup melakukan perubahan ke atas permainannya walaupun ditentang rakan-rakan seperjuangannya sendiri.

Moral dalam Kalangan Cendekiawan

Ulasan terhadap cerpen-cerpen yang terpilih dalam ulasan ini dilakukan dengan mengaitkannya dengan prinsip Teori Pengkaedahan Melayu. Menurut Hashim Awang (1998) ‘moral’ tidak bermaksud sebagai menyamai dengan makna moral yang ditanggapi umum, iaitu tatasusila atau dasar-dasar kelakuan yang baik dan jahat. Moral juga tidak bermaksud etika. Moral dalam konteks yang lebih luas adalah pengiktibaran dan pengajaran; kesedaran untuk berfikir dan bertindak mengambil contoh teladan atau pengajaran sesuatu kejadian atau pengalaman. Oleh yang demikian, pengalaman yang disingkapkan biasanya terdiri daripada dua perkara, iaitu peristiwa yang dilalui manusia (watak) tertentu, dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunianya – termasuk kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran. Dalam hubungan ini, cerpen “Kekosongan” memaparkan watak Prof. Datuk Marzuki Abdullah, seorang intelektual yang berpegang teguh kepada kerjayanya yang menekankan unsur moral dan integriti yang tinggi. Pegangan ini terus menunjangi kehidupannya setelah beliau bersara. Pengalamannya dalam membimbing para pelajarannya, dan hasrat murninya agar setiap pelajarannya, selain mengaut ilmu yang diajar juga memiliki moral yang tinggi dalam menempuh perjalanan hidup masa hadapan yang penuh dengan pancaroba. Sebagai bekas profesor yang berwibawa dan mementingkan nilai moral yang berterusan selepas bersara, Datuk Marzuki memasuki fasa ‘kekosongan’ dalam hidupnya setelah beliau kematian isteri. Anaknya Balkis, tidak mahu bapanya terus keseorangan dan berada dalam kemurungan. Balkis dengan penuh hemah bersuara;

“Bukankah saya masih ada, ayah. Saya dan anak-anak saya sering di samping ayah. Semoga ayah tidak kekosongan.” Ucap Siti Balkis.

(*Papaverine: 344*).

Balkis menyedari bahawa dia dan anak-anaknya belum dapat memenuhi kekosongan bapanya dalam erti kata yang sebenar. Bapanya perlukan teman hidup yang sesuai. Oleh itu tanpa memikirkan elemen yang menjadi prinsip hidup bapanya, dia telah mengatur pertemuan bapanya dengan Salina, seorang peragawati yang seksi. Kesannya begitu kontradik, Salina digambarkan;

Bibirnya bergincu tebal, mekar kemerah-merahan. Dan begitu keterlaluan pula pakaiannya. Skirtnya begitu singkat, sejengkal dari paras lutut menampakkan pahanya putih dan gebu, benar-benar berpakaian seorang peragawati.

(*Papaverine: 346*)

Pembawaan Salina bukan sahaja tidak digemari Datuk Marzuki, malah menambah kemurungannya. Salina bukanlah wanita yang dicari-cari oleh Datuk Marzuki. Dalam pada itu, Datuk Marzuki terpaksa memenuhi gesaan kakaknya, Aishah supaya pulang ke kampung. Aishah mempertemukan Datuk Marzuki dengan Ustazah Kalsom yang digambarkan;

Seorang andartu, berpendidikan agama, berusia empat-puluhan berulang-alik ke madrasah mengajar anak-anak kampung ilmu dunia dan akhirat. Ustazah Kalsom yang sering berpakaian baju kurung warna hijau, biru atau kuning dan tidak pernah lekang bertudung warna yang sama, amat memikat kakaknya untuk menggantikan tempat arwah isterinya

(*Papaverine: 350*)

Datuk Marzuki akur dengan cadangan kakaknya supaya memilih Ustazah Kalsom sebagai teman hidupnya. Keputusan ini menggembirakan Balkis. Usahanya untuk memenuhi kekosongan hidup orang tuanya bukan sahaja berhasil, tetapi juga memahami bahawa orang tuanya mempunyai prinsip hidup yang kental dalam mengekalkan nilai moral yang tinggi, lebih-lebih lagi pada usia yang sudah sampai di penghujung.

Moral dalam Kalangan Pengamal Undang-undang

Hashim Awang (1998) juga berpendapat, dalam sesebuah karya sastera, khususnya cerpen, terdapat watak-watak. Setiap watak mendukung perwatakan dan mengikut objek (landskap) alam yang berjejak di bumi nyata. Melalui kombinasi ini, karya sastera merupakan satu kejadian alam, terhasil daripada proses penciptaan atau penulisan yang panjang dan melibatkan berbagai-bagai perkara serta kegiatan lain sebelum terhasilnya secara konkrit sebuah karya untuk dibaca dan dihayati masyarakat. Hal ini melibatkan pengumpulan bahan penulisan yang selalunya terdiri daripada manusia dan kehidupan kejiwaan dan memerlukan pengalaman penafsiran pengarang terhadap manusia dan lingkungannya; selanjutnya membabitkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti pengarang dalam penyusunan dan pembinaan karya sastera yang berisi dan berbentuk indah. Cerpen “Suatu Subuh yang Bening” menampilkan watak “Dia”, berpendidikan undang-undang Barat dan menjadi hakim di mahkamah sivil. Sebagai seorang hakim yang dedikasi dan sentiasa menjaga moralnya dan mempunyai keinginan menambah pengetahuan dalam menaik taraf kerjayanya, Dia berfikir ada banyak ilmu bantu perlu dipelajari bagi menjadikannya seorang hakim yang lebih profesional dalam memutuskan penghakiman yang total adil dan saksama.

Kesan kepada pemikiran “Dia” yang sentiasa berkembang dan mengakui kekurangan dalam dirinya yang berpegang kepada undang-undang Barat, Dia tercabar dalam satu kes yang dikendalikannya. Daripada hujah pihak pendakwa dan pembela, Dia ragu-ragu dalam menjatuhkan hukuman tetapi terpaksa memihak kepada pendakwa berdasarkan eviden yang dikemukakan. Eviden itu ialah bungkusan yang ditemui orang kena tuduh (OKT) di dalam kebun, sengaja dibawa pulang ke rumah. Polis datang dan menangkap OKT dan menuduhnya memiliki dadah yang terdapat dalam bungkusan itu. Pihak pembela cuba membuat andaian bahawa bungkusan itu sengaja diletakkan untuk memerangkap OKT. Dia dalam tinjauan ke premis OKT mendapati terdapat perselisihan dalam merebut tanah yang diduduki. Kemungkinan dadah itu sebagai perangkap untuk menganiaya OKT memang ada, tetapi Dia dapati pembela gagal mewujudkan keraguan yang munasabah. Justeru itu, Dia terpaksa membuat keputusan yang memihak kepada pendakwa dan menjatuhkan hukuman setimpal ke atas OKT.

Dia sedar undang-undang sivil ada kelemahannya. Dia akui;

Sebagai seorang hakim, aku merasai begitu berat sekali menghadapi kehidupan ini. Akulah seberat-berat kepimpinan Sebagai yang akan disoal Allah SWT nanti. Selama ini aku kurang memahami tentang hukum keagamaan. Pengajianku dan pengalamanku semata-mata bercorak keduniaan. Aku perolehi dari Barat yang berbeza dengan undang-undang Islam. Betapa jauh penyelewenganku dalam pengadilan ini.

(Papaverine: 122-123).

Dalam penghakimannya, Dia terpaksa patuh kepada eviden, prosedur dan undang-undang. Pendakwa mempunyai kelebihan manakala pembela gagal mewujudkan keraguan yang munasabah. Keputusan Dia menjatuhkan hukuman ke atas OKT menyebabkan dirinya serba salah dan tertekan jiwa dan perasaannya. Dia terpaksa menerima hujah pendakwa;

“Tuan hakim yang mulia, sekarang sudah ternyata lelaki ini benar-benar memiliki dadah itu. Pihak polis telah menjumpai dadah tersebut yang diisikan dalam sebuah beg plastik di atas pelantar rumahnya. Memang tidak ragu-ragu lagi dadah itu kepunyaannya.”

(*Papaverine: 126*).

Jika pendakwa dapat mengemukakan eviden, pembela pula hanya dapat menangkis dengan hujah/andaian yang lemah;

“Tetapi tuan hakim perlu membuat pertimbangan yang saksama. Lelaki ini menerangkan dadah tersebut dijumpai dalam rumpun pokok pisang ketika membersihkan tanah. *Kemungkinan* besar tuan hakim, orang lain meletakkan dadah tersebut di situ. Pihak doktor pula telah mengesahkan lelaki ini bukan penagih dadah.”

(*Papaverine: 126*).

Sebagai hakim sivil Dia tidak dapat menerima pembelaan yang berlandaskan kepada andaian. Justeru itu, dalam keputusannya Dia terpaksa memihak kepada pendakwaan. Hal ini menyebabkan Dia berperang dengan perasaannya sendiri yang secara drastik, Dia membuat keputusan;

“Abang akan meletakkan jawatan sebagai hakim. Abang akan berkhidmat sebagai peguam bela terhadap orang-orang yang teraniaya. Apa pendapat awak?”

(*Papaverine: 129*).

Sebagai teman hidup yang sudah lama merasai asam garam pengalaman hidup bersama, isterinya amat memahami permasalahan yang bermain dalam kepalanya. Dia gembira apabila isterinya dengan tenang bersuara;

“Saya restui, bang.”

(*Papaverine: 129*).

Keputusan Dia menukar kerjaya menjadi peguam bela dan peguam cara berpunca dari Dia yang mendalami undang-undang Islam yang dikira lebih relevan dan praktikal. Bagi Dia, undang-undang Islam mempunyai kesempurnaan dan dapat mengekalkan nilai moral yang dipegangnya.

Moral dalam Kalangan Penggiat Seni Tradisional

Sahlan Mohd. Saman dalam memperjelaskan ‘moral’ gagasan Hashim Awang (1994) menegaskan bahawa moral berkait rapat dengan pelbagai ragam, jenis juga perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat pula memperkayakan pengalaman dan menjadi cerminan perbandingan atau pengibaratan kepada pembaca. Pelbagai maklumat berupa pengetahuan, iaitu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan diri manusia dan kehidupan seperti kebudayaan, geografi alam, keagamaan, politik dan kenegaraan, cara hidup serta ekonomi, atau pendidikan serta keintelektualan. Tegasnya dalam karya sastera, para pembaca bukan

sahaja dapat menimba dan memperkayakan pengalaman serta pengetahuan, tetapi juga menjadi contoh teladan atau kias untuk memperbaiki serta mempertingkatkan kehidupan. Karya sastera dalam pendekatan ini harus mampu mencontohi kitab suci al-Quran yang memiliki pelbagai ketinggian. Di dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan pelbagai jenis perlakuan manusia untuk dipelajari dan dicontohi, penyampaian nasihat dan ajaran, dan kepentingan kepada bentuk dan keindahan. Melalui cerpen “Monolog Awang Batil,” Tok Batil digambarkan sebagai seorang tokoh yang luhur dan berpegang kepada nilai moral yang tinggi. Tok Batil merupakan seorang penggiat seni tradisional yang mengabdikan diri kepada masyarakat tanpa mepedulikan kedudukan dirinya yang tua dan uzur.

Tok Batil menyedari bakat yang dimilikinya satu anugerah Tuhan yang besar nilainya. Menjadi tanggungjawabnya mengembangkan khidmat baktinya selagi diminati masyarakat, sama ada masyarakat biasa mahupun kelas atasan. Dia bersyukur dengan bakatnya. Dengan permainannya dia mendapat rezeki dan pada ketika yang sama dia sedar tentang kekurangannya;

“Batilku, kaulah hambaku selama ini. Kaulah rezeki dan nafkah hidupku. Kaulah menjadi pemburuan hidupku sehingga aku kehilangan sesuatu yang amat aku hargai selama ini.”

(*Papaverine: 162*).

Tok Batil membiayai kehidupannya dengan hasil permainannya. Dia tidak meminta bantuan daripada sesiapa bagi meringankan beban hidupnya. Dia hanya memiliki sebuah gubuk di atas tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM). Namun moral yang ditunjukkan Tok Batil tidak terjejas walaupun masyarakat terlepas pandang ke atas kebajikan hidupnya. Sebaliknya Tok Batil secara sedar usianya sudah tua dan tenaganya sudah berkurangan tetapi masih mampu mempersembahkan permainannya di mana sahaja apabila menerima jemputan.

Menyedari dirinya sudah tua, Tok Batil bersedia berubah dan menerima nasihat dan pandangan rakan-rakan. Biar pun dia sedar dirinya dihormati kerana jasa dan moralnya dipandang tinggi oleh masyarakat, Tok Batil terpengaruh dengan monolog;

Umur kau telah menjangkau lapan puluh. Selama ini kau tidak mengingati pencipta-Mu, kau terlalu asyik dengan batilmu, dengan gendang tari inaimu, dengan wayang kulitmu. Bukankah kau telah sampai ke penghujung hidupmu?

(*Papaverine: 160-161*).

Atas kesediaannya menerima perubahan, Tok Batil sanggup berpisah dengan kumpulannya yang mahu meneruskan acara jampi serapah yang bertentangan dengan Islam setiap kali sebelum memulakan pertunjukan. Dalam pertunjukan yang dikendalikannya sendiri, semua unsur berupa khurafat itu sudah ditiadakan. Tok Batil berazam untuk belajar dan mendekatkan diri dengan Tuhan. Dia juga insaf dan mengekalkan nilai moralnya selaras dengan ajaran Islam.

Kesimpulan

Demikian tiga buah cerpen karya Rejab F.I. yang memaparkan nilai moral yang menjadi tunggak dalam pembentukan hidup manusia Melayu Islam mengikut landasan Teori Pengkaedahan Melayu. Hashim Awang (2019) merumuskan, moral terangkum dalam suatu kegiatan, pengalaman yang boleh menambah, memberi, memperkasa pengalaman serta pengetahuan. Rejab F.I. mengolah cerpen-cerpen ini dengan gaya bahasa yang lembut dan bersahaja sesuai dengan penguasaannya dalam bidang puisi. Selain nilai-nilai murni, pendidikan dan elemen moral disisip masuk dengan berkesan dalam setiap buah cerpennya. Kelebihan yang ada pada Rejab F.I. dengan karya-karyanya, khususnya cerpen adalah serasi dan bertepatan dengan gagasan Teori Pengkaedahan Melayu yang mahu melihat Melayu dan lingkungan kemasyarakatannya dengan tepat dan rinci.

Osman Ayob

Pelajar Sarjana

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia